



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**27 April 2018**

1. Roslan jaga kucing tarbiar; Utusan Malaysia

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Mega Rona</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="27"/>	<b>RUANGAN :</b>	
<b>PERKARA</b>			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
<b>TARIKH</b>			
27 April 2018			

**kisah masyarakat**

**ROSNIAN DAIN**  
rosni.dain@utusan.com.my

**ELBAGAI** cara seseorang itu boleh melakukan kebaikan sama ada sesama manusia mahupun dengan makhluk ciptaan Tuhan lain.

Ia yang menjadi pegangan seorang pencinta kucing, **Roslana Tajudin, 38**, yang sanggup berkorban wang dan masa memelihara nasid kucing-kucing jalanan, sama ada kucing yang di buang mahupun diadanya.

Roslana, yang berasal dari Kuala Lumpur dan masih belum berumah tangga, menjadikan aktiviti tersebut sebagai tugasannya.

Setiap hari selepas habis kerja dia akan merawat dan memastikan kebersihan persekitaran kucing-kucing yang dibelanya di rumah, agar haiwan itu tetap sihat.

"Terlisa saya mengambil kucing-kucing ini, ada yang tersehid, selesma, demam, tidak mahu nakal, terbiar dan berkapur. Selain itu, hampir separuh daripada kucing yang ada ini, diberi oleh tuan kucing yang enggan lagi memelihara haiwan itu, mungkin atas faktor kesihatan mahupun sudah tidak sanggup."

"Daripada dibuang merata-rata dan menyebabkan mudarat terhadap haiwan itu yang sebelum ini tidak pernah hidup terbiar di jalanan, biarlah saya ambil peranan menjaga secara sukarela."

"Selalunya tuan punya kucing yang akan menelefon saya kerana sudah tidak mahu lagi menjaga haiwan peliharaan mereka."

"Kucing-kucing yang kurang sihat akan saya rawat terlebih dahulu dengan memberi ubat sehingga sembuh. Saya akan asingkan mereka daripada kucing yang sihat agar tidak berjangkit."

"Selepas sihat, haiwan-haiwan itu akan teras saya jaga sehingga ada individu lain yang mahu memeliharanya sebagai haiwan baharu," katanya ketika ditemui di rumahnya di Jalan Genting

# Roslana jaga kucing terbiar



**ROSNIAN TAJUDIN** menjadikan dua bilik di rumahnya sebagai tempat hidupan kucing-kucing yang dikumpul di jalanan atau yang dibuang orang.

Klang, Setengah, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Memandangkan ruangnya yang terhad di rumahnya, dia tidak kisah mengotakan dua bilik tidurnya untuk menempatkan kucing-kucing ini. Hanya satu bilik yang digunakan untuk kegiatan dia dan ibunya yang tinggal bersama. Malah, sebenarnya Roslana lebih selesa tidur di ruang tamu.

Bilik-bilik yang menempatkan kucing dikelilingi dengan kipas dan ekos penyedut udara lagi memastikan persekitaran bilik tidak berbau, manakala sapu kucing, makanan, air dan bekas ngap dibersihkan setiap hari.

Kesemua kucing tersebut turut dibersihkan dengan air tawar tanpa dituang.

Bermula dengan hanya seorang kucing jalanan yang dibela, sejak

lima tahun lalu, kini jumlah yang berada di bawah jagamunya lebih 50 ekor, malah sekiranya dikumpul mungkin pernah mencecah sehingga 60 ekor, kerana ada di antaranya telah diberi kepada yang berminat.

"Saya pasukan mereka yang mahu memelihara kucing ini ikhlas dan benar-benar sayang dengan haiwan berkenaan. Saya tidak mahu haiwan-haiwan ini teraniaya apabila dijaga orang lain."

"Saya beri percuma sahaja kepada individu yang hendak menjaga. Bagi saya kucing-kucing ini bukan untuk dijual dan menjadi barang dagangan."

"Apabila menjaga kucing saya sangat fokus. Terus terang saya katakan, saya tidak kisah kalau tidak dapat pegi bercuti ke mana-mana, tiada masa untuk

kawan dan menghabiskan duit untuk kucing."

"Saya juga tidak kisah setiap hari selepas balik kerja beraga sehingga pukul dua pagi semata-mata mahu membersihkan bilik tempat kucing-kucing ini tinggal," katanya.

Roslana menambah, dia juga ingin berkonsep mengonsep kesukaran hendak menguruskan haiwan berkenaan kerana ketidakcukupan dana, memandangkan banyak duit yang dia gunakan semata-mata untuk menjaga kucing-kucing ini.

Bertegas sebagai pengawal keselamatan dengan pendapatan RM1,800 sebulan, Roslana memberitahu, dia membelanjakan hampir RM800 untuk makanan, ubat-ubatan, pasir kucing dan perkara yang

**ROSNIAN TAJUDIN** sentiasa memastikan sangkar dan bilik yang menempatkan kucing-kucingnya dibersihkan setiap hari.

diperlukan.

Mujur dia menerima bantuan seorang dia individu yang minat memelihara kucing agar kebajikan haiwan itu terbelas.

"Selama saya memelihara kucing, saya pernah ditidur dengan bermacam-macam tohmahan. Ada juga yang berasangka buruk terhadap niat saya, sedangkan mereka sendiri tidak mendapat gambaran sebenar. Semua itu bagi saya adalah cabaran yang perlu dihadapi," tegasnya.

Dia juga berazam agar satu hari nanti akan dapat mempunyai sebuah tempat atau tanah sendiri untuk mendirikan rumah atau binawan yang lebih selesa untuk kucing-kucingnya.

Kepada yang mahu menghubungi Roslana boleh whatsapp di talian 011-23273158 atau layari Facebook [rosni.dain](#).



**AMBANK**  
2120020054338